

# Arif dapat semangat baharu teruskan karier

**PEMAIN** badminton perseorangan lelaki negara, Mohd. Arif Abdul Latif kini mempunyai semangat baharu untuk meneruskan kariernya selepas mengikat kontrak penajaan selama dua tahun bersama syarikat pengeluar barangan sukan, Fleet semalam.

Biarpun enggan mendedahkan jumlah tajaan yang diterima, Arif berkata, imbuhan tersebut lebih baik daripada apa yang diperoleh ketika dia berada di bawah naungan Persekutuan Badminton Malaysia (BAM).

"Apa yang saya boleh katakan ialah penajaan tersebut mencecah enam angka untuk tempoh setahun.

"Apa yang saya harapkan kini ialah dapat mengembangkan lagi karier kerana saya mempunyai impian untuk menjadi pemain No. 1 negara," kata Arif selepas majlis menandatangani kontrak bersama Pengarah



ARIF (kiri) dan Razif (kanan) bergambar bersama Tong Wah di Menara Kuala Lumpur semalam.

Urusan Fleet International Holdings Sdn. Bhd., Teo Tong Wah di Menara Kuala Lumpur semalam.

Selain Arif, abangnya, Mohd. Razif turut ditawarkan kontrak

oleh Fleet untuk meneruskan lagi kariernya selaku pemain beregu profesional.

Difahamkan, Arif yang kini bernaung bawah Kelab Badminton Suruhanjaya Perkhid-

matan Awam (SPA) akan beraksi pada setiap kejohanan berstatus Grand Prix (GP) Emas dan Siri Super hingga April tahun depan.

"Saya akan mula beraksi pada GP Taiwan dan Indonesia (September) diikuti beberapa kejohanan di Eropah.

"Saya berharap penyertaan ini akan membuka ruang kepada saya untuk melayakkan diri pada Kejohanan Dunia tahun depan selain Sukan Olimpik 2016.

"Saya tahu apabila bergerak secara bebas memang cabarannya besar tetapi saya bertuah kerana mendapat sokongan keluarga terutamanya abang-abang saya (Mohd. Razif dan Mohd. Zakry)," ujar Arif.

Arif meninggalkan BAM awal bulan lalu kerana mahu mencari haluan baharu sejak menyertai badan induk itu pada 2003 dan menyertai skuad senior pada 2008.

KOSMO MS 69  
1 OGOS 2013

**TARIKH : 01/08/2013****MS : 47**

# Arif's new vision



*Arif Latif*

**ARIF** Latif's objective of qualifying for next year's World Championships in Copenhagen received a boost when he secured a two-year sponsorship from Fleet International in Kuala Lumpur yesterday.

The deal is said to be worth RM150,000, excluding equipment, while Arif's training and tournaments expenses will be fully borne by SPA (Public Services Department) Club.

Arif, who stated he was under pressure to perform with the national team which forced him to quit the team two weeks ago, claims he is comfortable with the current arrangement and is looking forward to better results on the world stage. "There was so much pressure in the national team where I couldn't cope with the expectations and my results suffered. That's the reason I decided to quit. I want to qualify for the World Championships next year," said Arif.

"Fleet has given me an attractive sponsorship as I gain a six-figure amount annually besides providing the equipment.

"I currently train under Razif Sidek at Lee Wan Wah's academy where there are other former players like Chan Chong Ming, Chew Choon Eng and my brother Razif (Latif) to help with my training.

"Although Razif is also under Fleet and SPA Club's sponsorship, I have no intention of playing doubles.

"My aim is to qualify for the World Championships and I also hope that the BA of Malaysia (BAM) will consider me for the Thomas Cup Finals (in New Delhi) if I have the form to make the squad on merit."

Razif also signed a similar two-year contract where he will focus on the doubles. Wan Wah, Choon Eng and Chong Ming also extended their contracts for another two years.

By **K.M. Boopathy**



# Arif luah sebab tinggal BAM

» 'Saya lebih disiplin, bukan mudah berjaya sebagai pemain bebas'

“Selepas ini saya akan menyertai pelbagai kejohanan sehingga April nanti untuk layak ke Kejohanan Dunia 2014’

**Mohd Arif Abdul Latif**  
Pemain kelab SPA



Bekas pemain BAM (dari kiri) Chew Choon Eng, Lee Wan Wah, Arif, Teo Tong Wah (**Pengarah Fleet International**), Mohamad Razif, Chris Tong Bing Yu dan Chan Chong Ming pada majlis penajaan di Kuala Lumpur, semalam.

Oleh Jumiati Rosly

jumiati@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

**T**erlalu banyak tekanan dalam skuad kebangsaan”.

Itulah pengakuan pemain perseorangan keempat negara, Mohd Arif Abdul Latif, 23, selepas hampir sebulan memilih untuk keluar daripada skuad kebangsaan di bawah

naungan Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

“Sekarang ini saya dapat rasakan saya lebih berdisiplin kerana bukan mudah mahu berjaya sebagai pemain bebas.

“Memang saya perlukan angin baru memandangkan terlalu banyak tekanan di dalam (BAM). Lebih baik keluar,” katanya selepas majlis menandatangani penajaan bersama jenama sukan, Fleet International Holdings Sdn Bhd, se-

malam bersama abangnya, Mohd Razif Abdul Latif.

Arif berharap tindakannya keluar selepas 10 tahun bersama BAM dapat memberi lebih motivasi untuk muncul pemain perseorangan nombor satu negara selepas memilih untuk bernaung di bawah Kelab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

“Selepas ini saya akan menyertai pelbagai kejohanan sehingga April nanti untuk mencapai sasaran peribadi mela-

yakkan diri ke Kejohanan Dunia tahun depan,” katanya yang kini menjalani latihan di Sunsuria Badminton Kota Damansara.

Arif yang kini berada di ranking 32 dunia, menerima penajaan berjumlah ‘enam angka’ daripada Fleet International untuk tempoh setahun, berkata penajaan itu diharap dapat memberinya lebih semangat untuk memperoleh keputusan lebih baik pada masa akan datang.